



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.kpkm.gov.my

KENYATAAN MEDIA

JAWATANKUASA KABINET MENGENAI DASAR SEKURITI MAKANAN NEGARA BILANGAN 2 TAHUN 2023

PUTRAJAYA, 25 OKTOBER 2023 – Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (JKSMN) yang bersidang hari ini mengetengahkan hasrat Kerajaan dalam memastikan keterjaminan dan kestabilan bekalan makanan negara adalah selamat dan mencukupi.

JKSMN pada kali ini dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perladangan dan Komoditi berperanan dalam merangka dasar dan strategi sekuriti makanan yang lebih berdaya saing dan mampan. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri, Timbalan Menteri, Ketua-ketua Setiausaha serta Gabenor Bank Negara.

JKSMN kali ini telah mempertimbangkan lapan (8) kertas kerja melibatkan empat (4) kertas untuk kelulusan dan empat (4) kertas makluman. Sesi mesyuarat turut memberi tumpuan dalam memperkasakan sekuriti makanan negara menerusi pelaksanaan inisiatif berimpak tinggi seperti pelaksanaan **Projek Industri Tenusu Negara** melalui Projek Pembangunan Ladang Tenusu Integrasi di Chuping, Perlis serta Cadangan Pelaksanaan **Pembajaan dan Pembekalan Baja Bio dan Organik** bagi meningkatkan hasil pengeluaran padi.

Kerajaan melalui KPKM sedang berusaha untuk melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan produktiviti sektor agromakanan khususnya dalam bidang teknologi, pemodenan, rantaian nilai agromakanan antaranya menerusi Strategi Pembangunan Industri Nanas dengan **penyusunan semula sistem galakan pasaran eksport** sedia ada untuk memupuk kecekapan dan daya saing yang lebih tinggi.

Bagi meningkatkan produktiviti komoditi bernilai tinggi, pihak KPKM berhasrat untuk **memperluas skop Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)** dengan turut mengetengahkan komoditi bernilai tinggi seperti kelapa dan durian. Melalui inisiatif ini, ianya dijangka membantu mengurangkan defisit perdagangan di samping memperkuuh aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi variasi benih penanaman dalam negara, meningkatkan prestasi eksport produk hiliran berdasarkan pertanian dan merancakkan aktiviti pengeluaran makanan secara domestik.

Selaras dengan hasrat membangun Malaysia MADANI, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk memastikan tahap keterjaminan makanan negara stabil dan lestari seiring dengan konsep *Food Security is a Shared Responsibility*.

Justeru, jawatankuasa ini mencerminkan komitmen utuh Kerajaan dalam memperkuuh sekuriti makanan negara ke arah peningkatan produktiviti, penjanaan pendapatan, potensi teknologi pertanian sekaligus meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat.

Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan memastikan pendekatan proaktif sentiasa dilaksanakan dalam menganalisis dan mengenalpasti strategi, inisiatif baharu, serta merangka intervensi yang lebih komprehensif dan strategik dalam menjamin kemampunan bekalan input agromakanan dan produktiviti pengeluaran makanan negara.

YB DATUK SERI HAJI MOHAMAD SABU
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
25 OKTOBER 2023